

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia  
19 September, 1981

## Pimpinan baru bersama selami derita rakyat

TAIPING, Jumaat — Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Encik Abdul Rahim Datuk Thamby Chik menegaskan, pemimpin-pemimpin UMNO di bawah pimpinan baru, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak lagi menjalankan tugasnya di bilik-bilik berhawa dingin sepanjang masa.

Sebaliknya mereka akan bersama-sama rakyat untuk menyelami kepayahan dan penderitaan rakyat bagi diselesaikan.

Beliau berkata demikian ketika berucap di satu perjumpaan dengan ahli-ahli UMNO Cawangan Seri Kota petang semalam.

Menurutnya, pemimpin-pemimpin baru itu mahu mewujudkan kerajaan yang benar-benar berjiwa rakyat dalam konteks meninggikan taraf hidup rakyat selaras dengan pembangunan negara.

Encik Abdul Rahim menegaskan, kerajaan tidak rela lagi ada setengah pihak menganggap orang Melayu sebagai pengemis yang boleh diperkecil-kecilkan.

"Kerajaan yang ada sekarang akan berusaha bersungguh-sungguh untuk melahirkan masyarakat Bumiputera supaya dipercayai dan dihormati oleh semua golongan," katanya.